

Kerangka Perlembagaan mampu atasi isu integriti penjawat awam

Firdaus
Adham,
Putrajaya

Penjawat awam adalah tulang belakang pentadbiran kerajaan dan nadi kepada kelancaran pembangunan negara. Kecekapan dan integriti mereka berkhidmat menjadi penentu kepada tahap kepercayaan rakyat terhadap sistem penyampaian awam.

Bagaimanapun, penjawat awam tidak terlepas dengan pelbagai isu dan masalah. Walaupun hanya segelintir terpalit dengan masalah dan isu disiplin dalam perkhidmatan, ia memberi kesan langsung kepada kredibiliti keseluruhan sistem pentadbiran.

Atas sebab itu, setiap kali kes integriti penjawat awam didedahkan, reaksi masyarakat sering bersifat keras dan tidak bertolak ansur. Ditambah pula dengan kemunculan media sosial mengembar-gemburkan isu membabitkan penjawat awam.

Orang ramai sering menuntut tindakan tegas diambil terhadap penjawat awam yang didakwa terbabit salah laku atau pelanggaran undang-undang dalam perkhidmatan.

Dalam keghairahan menuntut ketegasan, mungkin banyak pihak terlepas pandang betapa pentadbiran awam beroperasi berlandaskan undang-undang, bukan dipengaruhi sentimen dakwaan kesalahan dilakukan mereka.

Perkhidmatan awam beroperasi dalam kerangka

Perlembagaan yang menuntut pematuhan kepada prinsip dan prosedur ditetapkan menerusi pekeliling dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sebagai contoh, proses pembuangan kerja penjawat awam, termasuk penguat kuasa yang terkait masalah integriti, bukan mudah dan tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya.

Tindakan perlu melalui proses siasatan

Tindakan tatatertib mesti mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada walaupun membabitkan kesalahan serius. Meskipun ada penjawat awam disyaki terbabit salah laku seperti mene-

“Dalam hal ini, Perkara 132 hingga 135 Perlembagaan memperuntukkan jaminan proses wajar kepada semua penjawat awam tanpa mengira pangkat atau jawatan”

rima sogokan atau habuan ketika bertugas, sebarang hukuman termasuk pembuangan kerja tetap perlu melalui proses siasatan dan pembuktian sah.

Inilah keseimbangan cuba dipelihara antara keperluan bertindak tegas dan tuntutan keadilan pentadbiran.

Dalam hal ini, Perkara 132 hingga 135 Perlembagaan memperuntukkan jaminan proses wajar kepada semua penjawat awam tanpa mengira pangkat atau jawatan.

Prinsip ini bukan bertujuan melindungi pesalah, sebaliknya mengelakkan penyalahgunaan kuasa serta memastikan tindakan tatatertib tidak dipengaruhi emosi awam atau tekanan politik.

Pada masa sama, kerajaan menunjukkan kesungguhan memperkemas penguatkuasaan melalui penjelasan dasar lebih tegas.

Namun, integriti perkhidmatan awam tidak boleh dipertahankan dengan menumpukan tindakan terhadap penjawat awam semata-mata. Pihak swasta, kontraktor, ejen dan sindiket bersekongkol turut memainkan peranan besar mendorong rasuah dan salah guna kuasa.

Bermakna, tanpa pendekatan penguatkuasaan menyeluruh dan kerjasama rentas agensi, rantaian salah laku ini sukar diputuskan sepenuhnya.